



## **PELUPUSAN STRATEGIK ASET BUKAN TERAS JAMIN PERTUMBUHAN KEWANGAN MAMPAN BUAT MSM**

**KUALA LUMPUR, SEPTEMBER 15, 2021** – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM atau Kumpulan) mengumumkan hari ini bahawa para pemegang saham telah meluluskan penjualan keseluruhan kepentingan ekuiti di MSM Perlis Sdn Bhd (MSM Perlis), sebuah anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh MSM kepada FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd (FGVIF) dengan pertimbangan penjualan awal berjumlah RM 175 juta tunai yang merangkumi 11 bidang tanah pertanian dan perindustrian, tertakluk kepada pelarasan modal kerja bersih dan hutang bersih setelah selesai urusan pelupusan seperti yang dicadangkan. Pelupusan keseluruhan kepentingan ekuiti di MSM Perlis dianggarkan memberikan hasil sebanyak RM 91.6 juta selepas proses pelupusan tersebut selesai.

Perjanjian Penjualan Saham (SSA) telah mendapat kelulusan dan dipersetujui oleh kedua belah pihak pada Jun 2021. Pelupusan aset bukan teras merupakan sebahagian daripada strategi pemulihan MSM, ke arah mengoptimumkan aset operasi Kumpulan dan mengukuhkan perbelanjaan modal. Keseluruhan sektor perladangan di MSM Perlis telah ditamatkan operasi sejak 15 September 2019 susulan kos operasi yang tinggi untuk penyelenggaraan yang memberikan kesan komitmen kewangan tidak mampan. Sementara itu, operasi penapisan gula pula dihentikan pada 30 Jun 2020 sejajar dengan strategi operasi rasionalisasi Kumpulan untuk menyatukan kapasiti pengeluaran ke kilang penapisan baru iaitu MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd (MSM Johor).

Penamatan operasi tidak-strategik MSM dipersetujui secara bersama oleh Ahli Lembaga Pengarah MSM selepas mengambil kira pelarasan aliran tunai dan lain-lain faktor operasi ke arah memastikan pertumbuhan yang mampan dalam memberikan nilai yang wajar dan terbaik kepada para pemegang saham.

"Strategi ini telah mencerminkan prestasi kewangan yang progresif sejak suku keempat 2020, sebahagiannya disumbangkan oleh peningkatan dalam kebolehupayaan operasi. Secara strategik, penamatan operasi yang tidak strategik tersebut telah menyatukan sehingga 200,000 tan jumlah pengeluaran beserta penempatan semula tenaga kerja yang berkelayakan dan pakar ke MSM Johor dan kilang penapisan di Pulau Pinang, MSM Prai Berhad (MSM Prai) dalam melancarkan momentum pengeluaran dan mengoptimumkan



kadar penggunaan kapasiti (UF). UF di peringkat Kumpulan dijangka akan mencapai sehingga 65%, dengan pencapaian UF MSM Prai dan MSM Johor masing-masing sebanyak 80% dan 50% pada akhir tahun ini" jelas Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad, berucap dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa yang dianjurkan secara dalam talian hari ini.

MSM terus merekodkan prestasi keuntungan untuk separuh tahun pertama (1H) 2021 dengan Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) sebanyak RM 64.55 juta berbanding Kerugian Sebelum Cukai (LBT) sebanyak RM 52.52 juta pada tempoh yang sama tahun lalu, didokong oleh margin dan penggunaan kapasiti yang kukuh serta kos kewangan yang lebih rendah. Peningkatan purata harga jualan dalam segmen pasaran borong dan segmen premium Industri dan Eksport Gula Bertapis telah meningkatkan pendapatan Kumpulan lebih tinggi sebanyak RM 1.07 billion berbanding RM 959.58 juta pada 1H 2020.

Berteraskan kedudukan kewangan yang stabil, MSM kekal optimis dalam usaha menyelaraskan semula sumber yang diperlukan serta peluang yang bernilai lebih tinggi bagi setengah tahun yang berbaki ini ke arah keuntungan yang lebih mampan pada 2022. Melangkah ke hadapan, MSM akan terus memacu strategi pemulihan, memanfaatkan jangkaan pemulihan ekonomi dalam memperkasakan kepimpinan pasaran domestik dan mengembangkan pasaran eksport. Tambahan pula, sebagai syarikat gula bertapis pilihan dan berkualiti premium global, sebuah kempen pemerksaan jenama telah dilancarkan sebagai salah satu cara syarikat memberikan penghargaan kepada para pengguna yang meletakkan Gula Prai dalam tempat ketiga teratas carta barang pengguna cepat laris (FMCG) bagi segmen makanan dan minuman di Malaysia.

**-TAMAT-**



### **Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2020, MSM mengeluarkan sebanyak 1,010,215 tan gula bertapis, di mana 270,628 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 60% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 401 juta setakat 31 Disember 2020. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya.

MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

### **Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan**

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

### **Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**  
+603 2181 5018 ext. 137  
+6016 677 6118  
[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Ahmad Izwan Osman**  
+603 2181 5018 ext. 154  
+6017 440 1027  
[ahmadizwan.o@msmsugar.com](mailto:ahmadizwan.o@msmsugar.com)